

Headline	Sarawak diyakini mengakhiri AIDS pada 2030		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	25 May 2017	Color	Black/white
Section	General News	Circulation	45,554
Page No	A9	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	274 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 482
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,446



**JAMILAH (tiga kanan) menerima replika cek daripada Watts (dua kiri) bagi Teratak Kasih Tok Nan.**

## Sarawak diyakini mengakhiri AIDS pada 2030

KUCHING:Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yakin Sarawak berupaya mengakhiri AIDS pada tahun 2030 atau lebih awal daripada yang dijangkakan.

Demikian ujar Ketua Sektor HIV/STI KKM Dr Anita Suleiman sambil menambah, Sarawak juga berkemungkinan menjadi contoh negeri pertama di Malaysia dalam menurunkan kadar kes itu.

“Di Sarawak, bahagian Sibu mencatat 20.5 peratus kes HIV baharu diikuti Bintulu sebanyak 15.5 peratus, 13.5 peratus pula di Miri dan Kuching 7.4 peratus.

“Di Malaysia, perkara ini dipersetujui dalam unjuran modul oleh pemimpin-pemimpin dunia bagi menurunkan kadar penghidap wabak HIV kepada 90 peratus menjelang 2030.

“KKM dengan kerjasama pelbagai agensi, pertubuhan bukan kerajaan merangka strategi kebangsaan bagi tempoh 15 tahun bagi tujuan tersebut,” katanya ketika menghadiri Majlis Perasmian Pusat Sokongan Sehenti Teratak Kasih Tok Nan di Jalan Crookshank pada Selasa.

Sarawak menunjukkan peningkatan kematian berkaitan AIDS daripada 35 kes pada 2015 kepada 62 kes pada tahun lepas daripada jumlah keseluruhan iaitu 542 kes dari 1986 hingga 2016.

Maka dengan itu, menurut syarat yang ditetapkan dalam modul itu seperti yang telah dipersetujui adalah sebanyak 800 kes HIV sahaja setiap tahun.

“Pada tahun lepas kes HIV baharu melebihi 3,000

kes... untuk mencapai jumlah kes baharu ia mesti kurang daripada 800 kes.

“Sejak kes pertama dilaporkan pada 1986, hampir 93,000 orang kini hidup dengan HIV di Malaysia dan di Sarawak sebanyak 2,436 kes jangkitan HIV dilaporkan sehingga penghujung 2016 dan 542 daripadanya adalah kematian berkaitan AIDS,” jelasnya.

Justeru, KKM dengan rakan strategik melaksanakan pelbagai program dan aktiviti saringan dan kempen kesedaran untuk mengurangkan kes wabak HIV.

Kerajaan sebelum ini juga telah membelanjakan sebanyak RM50 juta untuk membeli pil Antiretroviral bagi mengubati pesakit HIV.

Namun masih ramai pesakit HIV yang belum diberi rawatan.

Walaupun pelaksanaannya bukan mudah tetapi dengan syarat kombinasi pencegahan, kempen kesedaran dan rawatan jika ditingkatkan secara drastik kepada dua atau tiga kali ganda berupaya membantu pelaksanaan itu untuk berjaya.

Teratak Kasih Tok Nan adalah bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan dan keluarga pesakit yang datang dari kawasan jauh.

Pihak Teratak Kasih Tok Nan juga menawarkan keperluan sokongan selain keperluan pesakit mendapat sokongan daripada keluarga dan masyarakat sekeliling dan telah dirasmikan oleh Penaung Teratak Kasih Tok Nan Datuk Amar Jamilah Anu.